

**PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT (VERTICAL – DIPLOMA KE SARJANA MUDA) ONLINE  
BAGI KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2020/2021  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

## A201

BIL.	PROSES	PERANAN	TARIKH PELAKSANAAN		TEMPOH
			PELAJAR ARUS PERDANA	PELAJAR RAYUAN	
1	<p>1.1 Isi permohonan Pemindahan Kredit (PK) secara dalam talian (<i>online</i>) menerusi portal pelajar (iStudent &gt; eServices &gt; Academic &gt; Transfer Credit)</p> <p>1.2 *Bayar yuran proses RM30.00 secara online/kaunter dengan rujukan Permohonan Kredit (Diploma) kepada Bendahari USIM.*</p> <p>1.3 Sediakan dokumen yang berikut: (a) Slip bayaran (b) Salinan transkrip akademik (c) silibus kursus (jika ada)</p> <p><b>(PERHATIAN! Pelajar perlu merujuk struktur penawaran kursus mengikut program masing-masing dan menyenaraikan semua kursus yang ingin dibuat PK)</b></p>	Pelajar	13 – 23 Oktober 2020	13 – 23 Oktober 2020	2 minggu
2.	<p>2.1 Adakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemindahan Kredit Fakulti/Pusat (JPKF).</p> <p>2.2 Rekodkan kelulusan PK ke dalam sistem.</p> <p>2.3 Kemukakan senarai pelajar yang diluluskan PK kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).</p>	Fakulti/Pusat	<b>26 Oktober – 13 November 2020</b>		3 minggu
3	**Keluarkan surat kelulusan pemindahan kredit kepada pelajar yang berkaitan.	BPA	16 – 20 November 2020		1 minggu

\* Pelajar lepasan Diploma yang mengikuti program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian di Darul Quran adalah dikecualikan bayaran yuran proses.

\*\* Surat kelulusan perlu dicetak sendiri oleh pelajar dan disalinkan satu salinan ke pejabat fakulti.

**PERINGATAN:** Pelajar perlu menyenaraikan **KESEMUA** kursus yang telah diambil semasa mengikuti pengajian di peringkat Diploma bagi pemindahan kredit dan kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada keputusan fakulti dan syarat yang sebagaimana di Lampiran A

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Fakulti masing-masing atau Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) di talian berikut : 06-798 8143 (Pn.Aida) / 8110 (Pn.Azliza)

**SYARAT/PERATURAN PEMINDAHAN KREDIT (*VERTICAL* – DIPLOMA KE SARJANA MUDA)  
BAGI PELAJAR SARJANA MUDA  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**PENTAKRIFAN:**

1. Pemindahan kredit bermaksud pemindahan jam kredit bersama-sama dengan gred yang diperoleh bagi kursus yang diambil oleh pelajar sebelum mengikuti program pengajian Sarjana Muda di USIM. Pelajar akan mendapat kredit bagi kursus yang dipindahkan kredit dan tidak perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut.
2. Pemindahan kredit (*vertical*) adalah pemindahan kredit daripada program di peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi iaitu daripada kelayakan Diploma ke Sarjana Muda.

**SYARAT/PERATURAN PEMINDAHAN KREDIT:**

1. Pelajar lepasan Sijil dan Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan tersenarai dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) layak memohon pemindahan kredit.
2. Pelajar akan diberikan pemindahan kredit **sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya (ketika pelajar berada di Semester I, Tahun 1).**
3. Kursus yang diberi pemindahan kredit tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar dan akan disenaraikan dalam transkrip akademik pelajar dengan nilai gred PK. Gred bagi kursus yang akan diambil kira dalam pemindahan kredit ini adalah berdasarkan gred yang diperoleh oleh pelajar semasa mengikuti kursus di peringkat Diploma.
4. Dasar pindah kredit secara *vertical* adalah seperti berikut:
  - 4.1 Pemindahan kredit kelayakan Diploma ke kelayakan Sarjana Muda dibenarkan sehingga **maksimum 30%** daripada jumlah kredit program yang diikuti.
  - 4.2 Dasar pindah kredit yang ditetapkan ini perlu berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:
    - (a) Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C;
    - (b) Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus yang akan diikuti;
    - (c) Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
    - (d) Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara)/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

(Rujukan: Surat Pemakluman Berkaitan Dasar Pindah Kredit antara Pihak KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil.1/2016 bertarikh 11-12 Mac 2016)

5. Walau bagaimanapun, terdapat penambahbaikan terhadap ketetapan dasar pindah kredit sebagaimana berikut:
  - 5.1 Pemindahan kredit untuk kelayakan Diploma ke Sarjana Muda dengan pindahan **maksimum sebanyak 50%** daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut:

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	<b>Gred C</b>
31 hingga 50	<b>Gred B</b>

- 5.2 Ini bermaksud, untuk pindah kredit sehingga 30% pertama (1-30%), gred minimum keseluruhan kursus adalah gred C dan tertakluk kepada dasar pindah kredit sedia ada.

Manakala bagi pindah kredit melebihi 30% (31 - 50%), hanya kursus dengan gred minimum B yang layak dipertimbangkan untuk tambahan peratusan pindah kredit berkenaan.

- 5.3 Ketetapan dasar seperti pada perkara 4.2 di atas adalah dikekalkan.
- 5.4 Pindah kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL (C)], *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC).

(Rujukan: Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2019 bertarikh 10 Disember 2019)

- 5 Bagi kes pelajar yang pernah mengulang kursus, gred terakhir yang diperolehi boleh diterima pakai untuk diambil kira semasa proses pertimbangan pemindahan kredit dilakukan.
- 6 Sekiranya banyak kursus yang setara dan dalam bidang yang sama dengan kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit, maka jawatankuasa boleh memilih kursus yang paling mirip dan mempunyai gred yang terbaik.
- 7 Sesuatu kursus di peringkat Diploma yang telah disetarakan untuk diberikan pemindahan kredit tidak boleh digunakan semula bagi mempertimbangkan pemindahan kredit untuk kursus-kursus lain.
- 8 Sekiranya terdapat pertimbangan dari pihak Fakulti/Pusat mengenai pemindahan kredit di luar daripada garis panduan yang ditetapkan ini, maka cadangan tersebut perlu dikemukakan oleh pihak Fakulti/Pusat kepada Senat Universiti untuk kelulusan.

*(Syarat/peraturan pemindahan kredit ini adalah dipetik daripada Garis Panduan Pertimbangan Pemindahan Kredit (Vertical – Sijil/Diploma ke Sarjana Muda) bagi Pelajar Sarjana Muda yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Universiti kali ke-93 Bil. 3/2016 pada 10 Jun 2016 dan Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-116 Bil.2/2020 pada 17 Jun 2020.)*




\*Sila sertakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi

**NOTA TAMBAHAN:**

Pemohon disarankan untuk membuat salinan dan serahkan satu salinan kepada fakulti/pusat pemilik kursus mengikut kod kursus di bawah:

- A : Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)
- B/E : Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)
- C : Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI)
- L : Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)
- M : Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)
- Q : Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)
- S : Fakulti Sains dan Teknologi (FST)
- U : Pusat Pengajian Teras (PPT)
- K/Z : Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)

**D) PERAKUAN PEMOHON**

Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan sedar bahawa permohonan ini tidak akan dipertimbangkan sekiranya dihantar selepas tarikh yang telah ditetapkan, tidak disertakan dengan dokumen yang berkaitan atau terdapat maklumat yang palsu, mengelirukan, tidak tepat atau tidak lengkap.

TANDATANGAN

---

TARIKH

**UNTUK KEGUNAAN FAKULTI/PUSAT**

DOKUMEN YANG DISERTAKAN  
(*sila tandakan "✓" pada petak yang berkaitan*)

TARIKH TERIMA \_\_\_\_\_

- Salinan resit pembayaran yuran proses
- Salinan transkrip akademik
- Silibus kursus

TANDATANGAN  
DAN COP RASMI

**Fakulti/Pusat dimohon untuk mengemukakan salinan borang permohonan yang telah dipertimbangkan ini kepada Bahagian Pengurusan Akademik.**